

# Malaysia berjaya wujudkan komunikasi

BH 26 APR 2000

KUALA LUMPUR. Selasa — Pihak berkuasa Malaysia berjaya mewujudkan komunikasi dengan pihak pengganas yang menahan 10 rakyat Malaysia dan 11 rakyat asing sebagai tebusan dalam kejadian di Pulau Sipadan, pada malam Ahad lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, bagaimanapun berkata pihaknya tidak mempunyai hubungan secara terus dengan kumpulan terbabit.

“Tidak ada komunikasi secara terus. Itu sahaja yang boleh saya katakan,” katanya ketika diminta mengulas sama ada pihak berkuasa sudah berkomunikasi dengan penculik atau kumpulan yang bertanggungjawab dalam kejadian itu.

Terdahulu, Norian menghadiri majlis persembahan Muzikal Mesra Rakyat anjuran Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini malam ini.

Ditanya sama ada polis sudah mengetahui motif sebenar penculikan itu, beliau berkata siasatan setakat ini menunjukkan ia berkemungkinan besar bermotifkan politik antarabangsa.

“Tidak ada bukti kejadian berpunca atau bertujuan semata-mata untuk membuat rompakan...ia lebih daripada itu. Kita percaya motif yang paling relevan dalam suasana perkembangan sekarang ialah motif politik antarabangsa,” katanya.

Mengenai keadaan tebusan, Norian berkata setakat ini maklumat menunjukkan mereka berada dalam keadaan baik tetapi belum ada pengesahan sahih diterima mengenainya.

“Setakat ini tidak banyak perkembangan. Namun ada tanda-tanda menunjukkan bahawa pihak pengganas dan tebusan itu tidak berada di negara ini dan mungkin di Selatan Filipina. Itupun masih kemungkinan besar.

“Namun, kami sedang berusaha dan berbin-cang dengan jabatan-jabatan lain yang terbabit. Kita mengadakan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara hari ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Halim Ah) bagi mengatur langkah-langkah seterusnya yang dianggap sesuai,” katanya.